



## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan SPKK atau PUKONSA atau UPKJ dan Kementerian Kewangan dalam gred,kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

| NO TENDER                                                                                                                                                                                                                                                             | TAJUK TENDER                                                                                         | Taraf/ Jenis Syarikat* | Gred, Kategori & Pengkhususan/ Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/ Kelas, Kepala & Sub Kepala                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | Tempat Dan Tarikh Dokumen Mula Dijual                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Tempat, Tarikh Dan Waktu Tender Tutup                                                                                                                                                                                    |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| YDN/ PB/ T/ SJKT03/ 2026                                                                                                                                                                                                                                              | CADANGAN PEMBINAAN BLOK TAMBAHAN DAN KERJA BERKAITAN DI SJK(T) LADANG NORTH HUMMOCK, KLANG, SELANGOR | Terbuka                | Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) seperti berikut :<br><br>i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ;<br><br>Gred: G5 Kategori : B, CE & ME<br>Pengkhususan : <b>B04, CE21, M/E (WAJIB BAGI SEMUA KONTRAKTOR)</b><br>Dan<br>ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)<br><br>Atau<br><br>iii) Unit Pendaftaran Kontraktor Negeri Sarawak (UPKJ) : Class B, Head I, Sub Head 1, Head II, Sub Head 2(a), Head VIIA, Sub Head 1<br><br>Atau<br><br>iv) Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) : Class B, Head I, Sub Head 1, Head II, Sub Head 2(a), Head VII, Sub Head 1. | Yayasan Didik Negara, Aras 1, Blok E14, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604, Putrajaya<br><br><b>25 September 2026 (Jumaat)</b><br>Hingga<br><br><b>09 Oktober 2026 (Jumaat)</b><br><br><b>Masa Jualan :</b><br>Isnin - Khamis<br>9.30am - 12.00pm<br>2.30pm - 3.30pm<br><br>Jumaat<br>9.30am - 12.00pm<br>2.30pm - 3.30pm<br><br><b>Sabtu, Ahad &amp; Cuti Umum - TUTUP</b> | <b>RM100.00 (Tidak akan dikembalikan)</b><br><b>Kaedah Electronic Fund Transfer (EFT)</b><br><br><b>Bank : Bank Muamalat</b><br><br><b>No. Akaun :</b><br><br><b>16010001312719</b><br><br><b>Nama : Yayasan Didik Negara</b><br><br><b>Rujukan Penerima : TSJKT03</b><br><br><b>Rujukan Lain : Bayaran Tender SJKT Ladang North Hummock</b> | Peti Tender, Yayasan Didik Negara, Aras 1, Blok E14, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604, Putrajaya<br><br><b>16 Oktober 2026 (Jumaat)</b><br><b>Sebelum atau pada Jam 12.00pm</b> |
| Taklimat projek dan lawatan tapak adalah <b>diwajibkan</b> . Berkumpul di <b>Tapak Projek Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil Ladang North Hummock, Klang, Selangor</b> pada <b>22hb September 2026 (Selasa)</b> Jam 10.00am - 10.30am (Sebarang kelewatan tidak diterima) |                                                                                                      |                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                                                                                                                                                                                                                          |

Bagi sesi taklimat tender dan lawatan tapak yang **diwajibkan**, hanya penama yang tercatat dalam Sijil PPK dan SPKK atau PUKONSA atau UPKJ yang **dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan sesi taklimat berkenaan**. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK dan SPKK atau PUKONSA atau UPKJ. Pihak kontraktor juga dikehendaki membawa salinan dokumen Sijil PPK dan SPKK atau PUKONSA atau UPKJ untuk rujukan pejabat dan simpanan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender Boleh diperolehi di pejabat berkenaan semasa waktu pejabat. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat secara Kaedah *Electronic Transfer Fund (EFT)* sebagaimana maklumat di atas. Dokumen Tender akan dikemukakan di dalam bentuk *pendrive* salinan *softcopy* kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Bagi kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA dan UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ.